

Kertas Model UPSR

SET 1

KERTAS I PEMAHAMAN

MASA: 1 jam 15 minit

Arahan: Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu, A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

Bahagian A

(20 markah)

Soalan 1 hingga Soalan 13

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



- 1 Salim begitu tekun _____ Internet untuk _____ maklumat tentang kepentingan menghargai alam sekitar.
A merujuk ... mengarang
B melihat ... memperoleh
C melayari ... mendapatkan
D meneroka ... menghasilkan
- 2 Kita perlulah menjaga kebersihan makanan _____ setiap masa.
A di C pada
B bagi D untuk
- 3 Tubuh badan kita akan menjadi lebih _____ pada waktu pagi jika kita cukup tidur.
A segar C cerdas
B cantik D senang

- 4 Pengajaran pada abad ke-21 merupakan pembelajaran yang berpusatkan murid. _____, program ini dapat mewujudkan suasana kelas yang seronok semasa belajar.
A Bahkan
B Manakala
C Namun begitu
D Hal ini demikian
- 5 Senyuman yang _____ pasti dapat menyenangkan hati sesiapa sahaja yang memandang.
A beria-ia
B berseri-seri
C berpura-pura
D bersungguh-sungguh

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



- 6 Ahmad _____ Nazri keluar padang kerana dia tercedera.
A memapah
B mengangkat
C mengusung
D mendukung

- 7 Kita mesti berani mengusahakan sesuatu bidang perusahaan yang berdaya maju seandainya kita mahu menjadi _____ yang berjaya.
 A karyawan
 B usahawan
 C budayawan
 D cendekiawan
- 8 Udara di atas bukit itu sangat _____ pada waktu pagi.
 A baik
 B elok
 C molek
 D nyaman
- 9 Saleha berasa teruja dan _____ apabila diberikan peluang untuk berucap pada majlis jamuan akhir tahun sekolahnya.
 A ambil hati
 B bulat hati
 C besar hati
 D makan hati
- 10 Juruhebah radio itu sedang _____ lagu-lagu terbaharu sebagai halwa telinga pendengar.
 A terdengar
 B kedengaran
 C mendengarkan
 D memperdengarkan
- 11 "Kamu mestilah menjaga keselamatan diri kamu pada _____ masa. Jika tidak, _____ perkara yang tidak diingini boleh berlaku," kata Cikgu Tarmizi.
 A setiap ... pelbagai
 B semua ... beberapa
 C setengah ... seluruh
 D berbagai-bagai ... semua
- 12 Semua murid yang ingin memasuki sekolah berasrama penuh akan dipanggil untuk menghadapi _____ terlebih dahulu sebelum ditawarkan ke mana-mana sekolah.
 A janji temu
 B temu bual
 C temu duga
 D soal siasat

- 13 "Patuh dan akurlah terhadap adat serta peraturan di tempat yang kita diami, bak kata peribahasa _____," jelas Cikgu Farah kepada muridnya.
 A di mana ada kemahuan, di situ ada jalan
 B di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
 C kais pagi makan pagi, kais petang makan petang
 D hujan emas di negeri orang hujan batu di negeri sendiri

14

Rumah terbuka tamu diundang,
 Aneka juadah sedia terhidang;
 Tose, kuih bulan dan juga rendang,
 Rakyat seronok untuk bertandang.

Pilih **perkataan seerti** bagi diundang.

- A diseru
 B dipilih
 C dilayan
 D dijemput

- 15 Pilih ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.

- I Projek pembinaan jalan raya itu telah mengakibatkan sesak lalu lintas.
 II Bas itu penuh sesak dengan penumpang yang ingin pulang ke kampung.
 III Ayah telah dibawa ke hospital untuk mendapat rawatan lanjut kerana sesak nafas.
 IV "Cuba atasi sesak hidup kamu dengan mencari jalan penyelesaiannya," kata Ramli.
 A I dan II
 B II dan III
 C III dan IV
 D I dan IV

Pilih ayat yang **betul**.

- 16 A Siti dan semua-semua rakannya telah menyaksikan pertandingan nyanyian itu.
 B Para-para guru dan murid tekun mendengar taklimat tentang keselamatan jalan raya yang diadakan.
 C Setengah-setengah peserta yang hadir mengambil peluang bertanya dalam sesi soal jawab.
 D Berbagai maklumat dapat kita peroleh daripada sesi taklimat tersebut.

Soalan 17 hingga Soalan 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.



Rosni, saya difahamkan, pada hari Sabtu ini, sekolah kita akan dikunjungi oleh banyak tetamu. Tentu suasana akan menjadi meriah. Sekolah Kebangsaan Desa Cempaka pasti jadi **buah mulut** orang ramai.

Sudah tentulah, Amirul. Saya dimaklumkan bahawa Yang Berbahagia Datuk Azizi bin Isa, tokoh bahasa dari Perak akan merasmikan majlis pelancaran Kempen Budi Bahasa peringkat daerah Klang nanti. Isterinya Datin Zuraidah binti Hassan juga akan hadir.

Kami sekarang sedang berlatih kompang untuk menyambut kedatangan tetamu istimewa itu. Selain itu, Tuan Haji Ismail bin Saleh, Pengerusi PIBG sekolah kita akan turut serta menyambut kedatangan tetamu.

Amirul, siapakah yang melatih kalian bermain kompang? Untuk pengetahuan kamu, saya telah diminta oleh guru kelas kita, Puan Rohana binti Othman untuk menyiapkan bunga manggar.

Kami dilatih oleh Cikgu Samsuri bin Hashim, guru muzik dan kebudayaan sekolah kita. Wah, pasti nampak hebat dan meriah majlis itu nanti!

KERTAS MODEL UPSR

- 17 Siapakah yang diminta untuk menyediakan bunga manggar?
- A Noni C Shima
B Rosni D Amirul
- 18 Apakah maksud rangkai kata **buah mulut** dalam petikan yang diberikan?
- A Perkara yang menjadi sebut-sebutan orang
B Majlis yang diadakan secara besar-besaran
C Peristiwa yang mendapat sambutan hangat daripada orang ramai
D Tempat yang menjadi tumpuan kerana ada sesuatu yang menarik
- 19 Amirul mengatakan bahawa majlis yang akan diadakan di sekolahnya pasti nampak hebat dan meriah kerana

- A ada bunga manggar.
B ada acara sukaneka.
C ada persembahan bunga api.
D ada persembahan kebudayaan.
- 20 Pilih pernyataan yang **tidak benar** berdasarkan petikan.
- A Pengerusi PIBG Sekolah Kebangsaan Cempaka ialah Tuan Haji Ismail bin Saleh.
B Guru muzik dan kebudayaan Sekolah Kebangsaan Desa Cempaka ialah Cikgu Samsuri bin Hashim.
C Amirul dan rakan-rakannya akan bermain kompang untuk menyambut kedatangan tetamu ke sekolahnya.
D Majlis pelancaran Kempen Budi Bahasa peringkat daerah Klang akan dirasmikan oleh Datin Zuraidah binti Hassan.

PEMAHAMAN [011]

Satu jam lima belas minit

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Kamu dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam kedua-dua bahagian ini.
3. Bagi **Bahagian A**, setiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.
4. Bagi **Bahagian B**, jawab **semua** soalan dalam ruang jawapan yang disediakan.

Bahagian A [20 markah]

Soalan 1 hingga 8

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.


1. "Bilakah _____ akan menjalani latihan bola sepak?" tanya Aiman kepada rakan sepasukannya.
A kita C kami
B anda D kalian
2. "Kamu pasti _____ menjawab semua soalan jika kamu mengulang kaji pelajaran dengan tekunnya," kata Cikgu Amri kepada murid-muridnya.
A pernah C sedang
B dapat D baru
3. Mak Munah asyik berbual dengan jirannya hingga _____ nasi yang dimasaknya di atas dapur.
A tengik C hangit
B lemau D hangus
4. "Izinkan _____ menghadap _____ sultan untuk melaporkan kes kecurian di pelabuhan Melaka," kata Temenggung kepada pengawal istana.
A patik ... baginda
B hamba ... baginda
C patik ... tuan hamba
D hamba ... tuan hamba
5.

Bendahara: Baginda akan _____ untuk menyampaikan bantuan kepada rakyat jelata di balairung istana pada pagi esok.

Laksamana: Baiklah, akan hamba uruskan persiapan dengan segera.

A menerima menghadap
B menjunjung titah
C merafak sembah
D mencemar duli

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah ini.



6. Bulu tangkis yang dipukul oleh Malek jatuh di penjuru _____.
A jejari
B kekuda
C tetulang
D gelanggang
7. Sebagai tetamu, kita perlu menjaga _____ ketika menghadiri sesuatu majlis untuk menjamin kelancaran majlis tersebut.
A tatasusila
B tatatertib
C tatakerja
D tatacara
8. Nasrul _____ idea untuk menyiapkan karangan yang diberikan oleh guru Bahasa Melayunya.
A kekeliruan
B kebuntuan
C keberatan
D kepekaan

9

Bertuahnya kami kerana dikelilingi jiran tetangga yang sentiasa bersedia untuk menghulurkan bantuan apabila kami mengadakan sesuatu majlis di rumah kami. Oleh itu, kami juga membantu jiran yang lain apabila mereka memerlukan bantuan juga.

Peribahasa yang sesuai untuk pernyataan di atas ialah

- A seperti menatang minyak yang penuh.
- B seperti cincin dengan permata.
- C bagai bulan jatuh ke riba.
- D bagai aur dengan tebing.

- 10 Pak Tahir bekerja keras untuk menanggung kos pengajian anaknya di universiti.

Pilih **perkataan sinonim** bagi menanggung.

- A mengatasi
- B membiayai
- C memenuhi
- D merangkumi

- 11 Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.

- I Nadia dan adik-adiknya tinggal di rumah Nek Semah sejak ibu bapa mereka meninggal dunia.
 - II Duit simpanannya di dalam bank tinggal tiga ratus ringgit sahaja.
 - III Murid-murid yang tinggal dalam pelajaran mudah terlibat dengan masalah sosial.
 - IV Permainan tradisional ialah warisan budaya tinggal nenek moyang kita.
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I dan IV
 - D III dan IV

- 12 Pilih **ayat tanya** yang sesuai bagi jawapan yang diberikan.

Pembinaan bangunan tambahan sekolah itu diminta oleh penduduk supaya dicepatkan kerana bilangan murid yang semakin bertambah.

- A Siapakah yang meminta pembinaan bangunan tambahan sekolah itu?
- B Mengapakah pembinaan bangunan tambahan sekolah itu perlu dicepatkan?

- C Bilakah penduduk meminta pembinaan bangunan tambahan sekolah itu dicepatkan?
- D Bagaimanakah pembinaan bangunan tambahan sekolah itu dapat menampung bilangan murid yang semakin bertambah?

- 13 Pilih **jawapan** yang sesuai bagi **ayat tanya** yang diberikan.

Berapakah jumlah murid yang menyertai Kem Motivasi anjuran Persatuan Ibu Bapa dan Guru?

- A Saya menyertai Kem Motivasi itu juga.
- B Saya tidak pasti bilangan murid yang menyertainya.
- C Kem Motivasi itu dianjurkan Persatuan Ibu Bapa dan Guru.
- D Persatuan Ibu Bapa dan Guru yang menganjurkan Kem Motivasi itu.

Soalan 14

Pilih **ayat yang betul**.

- 14 I Murid-murid di pusat sumber mengulang kaji pelajaran dengan tekunnya.
 II Selepas makan dan membaca buku, Aidil terus bermain pada padang.
 III Kita mestilah amanah oleh tanggungjawab yang diberikan kepada kita.
 IV Adik Ijan memberikan lobak kepada arnab peliharaannya.
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I dan IV
 - D III dan IV

- 15 Pilih **ayat yang sama maksud** dengan **ayat** yang diberikan.

Pihak berkuasa tempatan akan mengambil tindakan terhadap pemilik gerai yang tidak mematuhi undang-undang.

- A Pemilik gerai akan dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa tempatan.
- B Pihak berkuasa tempatan akan dikenakan tindakan kerana tidak mematuhi undang-undang.
- C Pemilik gerai yang tidak mematuhi undang-undang akan dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa tempatan.
- D Tindakan akan dikenakan kepada pihak berkuasa yang membiarkan pemilik gerai tidak mematuhi undang-undang.

Soalan 16 hingga 20

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada cuti sekolah yang lalu, Shahril telah menghadiri ceramah yang bertajuk “Gangguan Emosi dalam Kalangan Murid” di Dewan Utama 1, Kuala Ketil, Kedah. Penceramah yang diundang khas pada hari itu ialah Doktor Khalid bin Mahmud, iaitu seorang doktor pakar dari Sungai Petani.

Dalam ceramah itu, Doktor Khalid telah memberikan beberapa sebab emosi murid-murid terganggu. Antaranya termasuklah dibuli oleh kawan. Murid yang sering disuruh melakukan sesuatu oleh kawan tanpa kerelaannya akan menyebabkan emosinya terganggu.

Menurut Doktor Khalid lagi, bilik bacaan yang berselerak dapat *mengganggu emosi* murid-murid juga. Bilik yang tidak kemas akan menyebabkan murid-murid berasa tidak tenteram semasa belajar. Oleh itu, mereka sukar memahami topik yang dibaca.

Selain itu, Doktor Khalid turut memberikan maklumat tentang kesan sekiranya emosi murid terganggu. Antaranya termasuklah murid akan berasa bosan. Hal ini akan menyebabkan murid itu tidak suka bergaul dengan kawan-kawan. Mereka lebih suka menyendiri.

Di samping itu, gangguan emosi akan menyebabkan murid-murid cepat marah juga. Akibatnya, mereka tidak dapat berfikir dengan warasnya. Oleh itu, hasil kerja yang dibuat oleh mereka tidak akan memuaskan.

Sebelum mengakhiri ceramahnya, Doktor Khalid meminta murid-murid supaya sentiasa bersikap rasional ketika melakukan sesuatu perkara.

- 16 Doktor Khalid bin Mahmud ialah
A seorang penceramah bebas.
B seorang doktor dari Kuala Ketil.
C seorang doktor pakar dari Sungai Petani.
D seorang peserta yang mendengar ceramah tentang gangguan emosi dalam kalangan murid.
- 17 Pelbagai kesan dialami oleh murid-murid jika emosi mereka terganggu **kecuali**
A mereka akan berasa bosan.
B mereka tidak suka bergaul dengan kawan-kawan.
C mereka lebih suka menyendiri.
D mereka dapat berfikir dengan warasnya.
- 18 Maksud rangkai kata *mengganggu emosi* dalam petikan ialah
A menarik perhatian.
B mengusik perasaan.
C menghalang pandangan.
D merosakkan fikiran.
- 19 Apabila seseorang murid berasa marah dan tidak berfikir secara waras,
A dia lebih gemar menyendiri.
B hasil kerjanya tidak akan memuaskan.
C rakan yang lain lebih suka membulinya.
D rakan-rakan tidak suka bergaul dengannya.
- 20 Pilih pernyataan yang **benar** tentang punca gangguan emosi dalam kalangan murid.
A Murid sering membantu kawan-kawan.
B Keadaan bilik bacaan yang tidak kemas.
C Murid memahami topik yang dipelajari di sekolah.
D Hasil kerja yang dibuat oleh murid tidak disukai kawan-kawan.

BAHAGIAN A TAMAT